



PERDANA LIBRARY
PERDANA LEADERSHIP FOUNDATION
NEWSPAPER CLIPPING

Newspaper	Berita Harian
Date	1772/2012

Surat Dr M isu Israel akan didedah

SEKINCHAN: Kerajaan akan mendedahkan kandungan surat Tun Dr Mahathir Mohamad kepada Israel pada minggu ini bagi membolehkan rakyat memahami tujuan sebenar beliau menghantar surat berkenaan kepada Perdana Menteri Israel ketika itu, Uhud Barak.

Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Razak, berkata pendedahan itu dapat menghentikan pertikaian dan polemik yang dibangkitkan pembangkang kerana kluatir kemarahan rakyat terhadap kenyataan Ketua Pembangkang, Datuk Seri Anwar Ibrahim menyokong usaha mempertahankan keselamatan Israel, baru-baru ini.

"Saya sudah meminta surat diutuskan Dr Mahathir kepada Uhud Barak disemak oleh Wisma Putra dan mendapati ia boleh didedahkan kepada pengetahuan umum.

"Jadi, pada awal minggu depan kita membenarkan surat itu disiarkan secara terbuka supaya rakyat memahami tujuan Dr Mahathir menulis surat itu untuk memperjuangkan untung nasib rakyat Palestin yang menuntut negara berdaulat.

"Surat itu menunjukkan keprihatinan Dr Mahathir dalam proses kedamaian Asia Barat yang ketika itu giat diusahakan. Kandungan surat itu menepati dasar kerajaan dulu dan pendirian kita hari ini," katanya pada sidang media selepas merasmikan majlis pecah tanah bangunan tambahan 18 bilik darjah Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan (C) Yoke Kuan, di sini semalam.

Keputusan kerajaan tepat: Dr Mahathir

» DARI MUKA 1

Pembangkang sebelum ini mendakwa, Dr Mahathir pernah menghantar sepucuk surat kepada Israel ketika beliau menjadi Perdana Menteri untuk melindungi kenyataan Anwar dalam akhbar Wall Street Journal (WSJ) yang mempertahankan usaha melindungi keselamatan Israel.

Dr Mahathir dalam kenyataan balasnya mengakui menghantar surat itu, namun ia bertujuan menjelaskan pendirian Malaysia yang menolak sebarang hubungan dengan Israel selagi regim itu tidak mengiktiraf kedudukan rakyat Palestin. Ia dihantar sebagai balasan kepada surat Ehud Barak yang mahu Malaysia menukar pendirian mengenai hubungan antarabangsa dengan Israel.

Di **SAMARAHAN**, Dr Mahathir menyifatkan keputusan kerajaan mendedahkan kandungan surat itu adalah langkah tepat untuk menjelaskan keadaan sebenar.

Katanya, beliau pernah cuba menyiarkan kandungan surat itu dalam buku tulisannya sebelum ini, namun ketika itu kerajaan menasihatkannya supaya tidak berbuat demikian.

"Masa buku saya diterbitkan dulu, saya memang nak masuk semua itu (kandungan surat), tetapi masa itu kerajaan tak benarkan. Terima kasih kerana sekarang kerajaan sudah bersedia untuk mendedahkannya," katanya selepas menyampaikan ceramah pada Konvensyen Kebangsaan Patriotisme dan Politik: Hala Tuju Sebenar, di Universiti Malaysia Sarawak (UNIMAS).

Dr Mahathir juga berkata, kandungan surat itu memang perlu didedahkan kerana beliau menerima pelbagai tuduhan termasuk ada yang mendakwa dalam surat itu beliau mengucapkan tahniah kepada Ehud Barak.